

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Selamat tahun baru 2021. Saya mengambil peluang untuk menyatakan penghargaan saya kepada semua warga Malaysia khususnya penggiat industri getah dan pekebun kecil yang sentiasa menyokong LGM. Walau pun terdapat pelbagai cabaran sepanjang tahun 2020, atas kerjasama daripada semua pihak, industri getah telah dapat mengharunginya serta dapat meningkatkan prestasi di dalam sektor tertentu. LGM juga telah berjaya memperkenalkan inovasi-inovasi baru dan juga memenangani beberapa anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Diharapkan tahun 2021 akan memberikan lembaran baru dan kejayaan yang lebih besar kepada industri getah. Pada tahun 2021, terdapat banyak aktiviti-aktiviti penyelidikan, pemindahan teknologi dan perkhidmatan kepada industri yang telah dirancang bagi meningkatkan produk-produk bermutu tinggi dan penambahbaikan di sektor hulu dan pertengahan.

Saya berharap laman web ini akan terus memberikan informasi yang bermanfaat kepada semua dan menjadi medium interaksi antara LGM dan semua pihak berkepentingan.